

## Mesej Tiga

### **Hidup dalam Pendispenan Divin daripada Trinitas Divin Melalui Hukum Roh Hayat dalam Roma 8**

Bacaan Bible: Roma 8:2, 10, 6, 11, 28-29; 12:1-2

#### **I. Kunci untuk menjadi pejayeng ialah hukum Roh hayat dalam Roma 8, satu bab untuk pencari yang terdesak—7:24—8:2, 28-29; Mzm. 105:4:**

- A. Roma 7 merupakan pengalaman berada “dalam tubuh daging”, manakala Roma 8 merupakan pengalaman berada “dalam roh” (Roh divin huni dalam roh insani kita dan kedua-dua ini berbaaur bersama menjadi satu roh)—ay. 4, 9-10, 16; 1 Kor. 6:17; 2 Tim. 4:22.
- B. Kenikmatan terhadap hukum Roh hayat dalam Roma 8 membawa kita masuk ke dalam realiti Tubuh Kristus dalam Roma 12; hukum ini beroperasi di dalam kita apabila kita hidup dalam Tubuh dan untuk Tubuh—8:2, 28-29; 12:1-2, 11; Flp. 1:19.

#### **II. Roma 8 ialah fokus seluruh Bible dan pusat alam semesta; oleh itu, jika kita mengalami Roma 8, maka kita berada di pusat alam semesta:**

- A. Dalam keabadian lampau, Tuhan bertujuan untuk masuk ke dalam umat yang ditebus-Nya agar Dia dapat menjadi hayat mereka dan agar mereka dapat menjadi ekspresi korporat-Nya; inilah fokus ekonomi Tuhan—Ef. 1:3-5.
- B. Manusia ialah pusat penciptaan Tuhan kerana hasrat Tuhan ialah Dia diekspresikan menerusi manusia; manusia hanya dapat menjadi ekspresi Tuhan melalui Tuhan masuk ke dalam manusia untuk menjadi hayat dan isi kandungan manusia serta menjadikan manusia satu dengan-Nya agar manusia dapat hidup melalui-Nya, bahkan menghidup keluar-Nya; dengan demikian, Tuhan diekspresikan dari dalam manusia.
- C. Zakharia 12:1 berkata, “Demikianlah pengisytiharan Yehova yang merentangkan langit dan meletakkan asas bumi dan membentuk roh manusia dalamnya”:
  - 1. Roh manusia setara dengan langit dan bumi kerana roh kita merupakan tempat yang ingin dihuni Tuhan—Ef. 2:22; bd. 2 Tim. 4:22.
  - 2. Langit adalah untuk bumi, bumi adalah untuk manusia, dan manusia dicipta oleh Tuhan dengan mempunyai roh agar dia dapat menghubungi Tuhan, menerima Tuhan, menyembah Tuhan, berhidupkan Tuhan, menggenapkan tujuan Tuhan demi Tuhan, dan menjadi satu dengan Tuhan.
- D. Fokus utama dalam alam semesta ialah Tuhan Tritunggal yang terproses telah masuk ke dalam kita dan kini huni dalam kita; inilah mukjizat yang terbesar; tidak ada apa-apa dalam alam semesta yang lebih penting daripada fokus utama ini—Yes. 66:1-2; Yoh. 14:23; 15:4.
- E. Kita semua harus penuh girang kerana Tuhan Tritunggal menghuni kita secara dalaman dan bersatu dengan kita; Dia ialah hayat dan persona kita, dan Dia sedang menjadikan kita rumah-Nya—Ef. 3:14-17.
- F. Tuhan Tritunggal telah terproses menerusi inkarnasi, penyaliban, kebangkitan, dan kenaikan ke syurga untuk menjadi hukum Roh hayat yang dipasangkan dalam roh kita sebagai suatu hukum “saintifik”, suatu prinsip yang automatik; ini merupakan salah satu penemuan terbesar, bahkan pemulihan terbesar, dalam ekonomi Tuhan—Roma 8:2-3, 10-11, 34, 16.
- G. Roh hayat, Roh Tuhan, Roh Kristus, Kristus sendiri, dan Roh yang huni secara dalaman dalam Roma 8:2 dan 9-11, semuanya merujuk kepada Roh majmuk yang memberi hayat—bd. Kel. 30:22-25; Flp. 1:19; 1 Kor. 15:45b:
  - 1. Dalam ungkapan *Roh Tuhan*, *Roh* dan *Tuhan* merupakan aposisi, menunjukkan bahawa Roh itu dan Tuhan adalah satu—Roma 8:9.

2. Demikian juga, *Roh Kristus, Roh Dia yang membangkitkan Yesus daripada yang mati, dan Roh hayat* dalam Roma 8 menunjukkan bahawa Roh itu ialah Kristus, Dia yang membangkitkan itu, dan hayat; oleh yang demikian, memandangkan Roh itu menghuni kita secara dalaman, ketiga-tiga daripada Tuhan Tritunggal ada dalam kita sebagai hayat—ay. 9, 11, 2.
  3. Roh itu yang ada dalam Roma 8 merupakan Roh almuhit sebagai konsumsi muktamad dan pencapaian, aplikasi, Tuhan Tritunggal pada kita.
  4. Tuhan Tritunggal sebagai Roh almuhit ada dalam kita untuk kita alami dan nikmati melalui kita mengambil-Nya sebagai hayat dan persona kita; kita ialah bekas bagi Tuhan Tritunggal—2 Kor. 4:7.
- H. Apabila kita menerima Tuan dengan percaya ke dalam-Nya, Dia berfungsi sebagai hukum Roh hayat untuk mendispenkan diri-Nya sebagai hayat Tuhan yang divin dan tidak tercipta (*Yn. zoe*) ke dalam roh kita; kita semua perlu melihat wahi agung ini, iaitu sekurang-kurangnya satu bahagian diri kita, yakni roh kita, merupakan zoe; apabila kita meletakkan minda kita pada roh, minda kita yang mewakili sukma kita akan menjadi zoe; demikian juga, zoe dapat disalurkan ke dalam tubuh kita yang akan mati menerusi operasi hukum Roh hayat; dengan demikian, kita menjadi manusia zoe dalam seluruh diri tripartit kita agar kita dapat menjadi kota zoe, yakni Yerusalem Baru—Wahi 21:6; 22:1-2, 14.
- I. Akhirnya, hayat ini akan mempersiapkan kita untuk menjadi pengantin Kristus, yang akan mendorong Tuan kembali dan membawa kita masuk ke dalam zaman yang seterusnya; atas sebab ini, Roma 8 merupakan fokus penting dalam Bible dan alam semesta.

### **III. Roma 8 mewahikan bahawa Tuhan Tritunggal yang terproses sebagai hukum Roh hayat memberi hayat divin kepada percayawan demi kehidupan mereka; ini merupakan pengalaman terhadap pendispenan divin daripada Triniti Divin—ay. 2, 10, 6, 11, 28-29:**

- A. Tuhan Tritunggal yang terproses sebagai Roh beri-hayat, yang telah dipasangkan dalam roh kita, boleh disamakan dengan elektrik; operasi Tuhan sebagai hukum “elektrik” divin dalam kita menuntut kerjasama kita untuk “membuka suis” hukum ini melalui doa—Kol. 4:2; Ef. 6:17-18; 1 Tes. 5:17; bd. Mat. 24:27 (lihat dua ayat terakhir bagi nota kaki 1).
- B. Ketika kita kekal dalam sentuhan dengan Tuan menerusi doa, kekal menghubungi-Nya dalam roh kita, hukum Roh hayat bekerja dalam kita secara automatik, spontan, dan dengan mudah sekali—Ibr. 11:1, 5-6; 2 Kor. 4:13; Mat. 8:3, 15; 9:20-21, 29; 14:36; 17:7; 20:34; Yoh. 4:23-24; Flp. 2:12-13; Roma 8:2, 4, 6, 13-16, 23; 1 Tes. 5:16-18.
- C. Makna doa ialah kita menyerap Tuhan; semakin kita menghubungi Tuhan, semakin kita akan menyerap-Nya, dan semakin kita menyerap-Nya, semakin kita akan menikmati-Nya sebagai cahaya kita dan penyelamatan kita—2 Raj. 19:30; Yes. 37:31; Mat. 6:6; Mzm. 119:15:
1. Dalam Mazmur 27:1 Daud berkata, “Yehova ialah cahayaku dan penyelamatanku”; dia menghubungi dan menyerap Tuhan dengan menatap keindahan-Nya (ay. 4); oleh itu, dia dicahayai dan menerima penyelamatan di dalam.
  2. Terdapat sebuah kidung yang berbunyi, “Sebagaimana diriku yang seadanya” (*Kidung, #724*, terjemahan daripada bahasa Inggeris); ini bererti bahawa kita harus datang kepada Tuhan sebagaimana diri kita yang seadanya tanpa cuba memperbaiki atau mengubah keadaan kita; kita menerima Kristus dengan sedemikian, dan kita harus bergerak-hidup dalam Kristus dengan sedemikian—Kol. 2:6-7a.
  3. Berdoa bererti datang kepada Tuan sebagaimana diri kita yang seadanya; apabila kita datang kepada Tuan, kita harus membentangkan keadaan dalaman kita di hadapan-Nya dan memberitahu-Nya bahawa kita serba kekurangan

dalam setiap perkara; biarpun kita lemah, keliru, sedih, dan tidak dapat berkata apa-apa, kita masih dapat datang kepada Tuhan; tidak kira apa jua keadaan dalaman kita, kita harus membawanya kepada Tuhan.

4. Kita tidak harus memperhatikan keadaan kita, sebaliknya kita perlu masuk ke dalam hadirat Tuhan untuk menghubungi-Nya dengan memandangi kepada-Nya, menatap-Nya, memuji-Nya, mengucapkan syukur kepada-Nya, menyembah-Nya, dan menyerap-Nya; dengan itu kita akan menikmati kekayaan Tuhan, mengecap kemanisan-Nya, menerima Dia sebagai cahaya dan kudrat, dan berasa damai, terang, kuat, dan diperkudratkan secara dalaman; dengan demikian kita akan belajar kekal berhubung dengan-Nya apabila kita meministerkan sabda kepada pekudus—1 Ptr. 4:10-11; 2 Kor. 2:17; 13:3.

D. Makna doa juga ialah kita menyatakan Tuhan; dalam Mazmur 27:4, Daud mengatakan bahawa dia berhasrat bukan sahaja menatap keindahan Yehova tetapi juga “memohon dalam bait-Nya”; memohon bererti membenarkan Tuhan berbicara dalam kita agar kata-kata yang dibicarakan kepada-Nya dalam doa sebenarnya ialah pembicaraan Tuhan dalam kita, yakni pernyataan Tuhan:

1. Doa yang sebenar ialah kita datang kepada Tuhan, membenarkan Tuhan berbicara dalam kita, dan menyatakan kembali kepada Tuhan apa yang telah dibicarakan-Nya: “Ketika Engkau bersabda, Carilah muka-Ku, / Kepada-Mu hatiku berkata, Muka-Mu, O Yehova, akan aku cari” (ay. 8).
2. Apabila kita betul-betul menyentuh, menghubungi, dan menyerap Tuhan, Dia akan berbicara dalam kita; kemudian kita akan berdoa menurut pembicaraan dalaman-Nya; berdoa bererti pergi kepada Tuhan, bertemu dengan-Nya, mendekati-Nya, berhubung dengan-Nya, dan menyerap-Nya agar Dia dapat berbicara kepada kita dari dalam; apabila kita berdoa kepada-Nya dengan sabda yang dikatakan-Nya kepada kita, doa kita menyatakan Tuhan—Yoh. 15:7.
3. Dalam aspek pertama doa kita, kita masuk ke dalam persekutuan dengan Tuhan, yang akan mengurus kita dengan beban-Nya demi kerja dan mewahikan hasrat-Nya kepada kita; kemudian aspek kedua doa kita ialah kita bertanya kepada Tuhan dengan memohon kepada-Nya berkenaan kehendak-Nya dan beban-Nya demi kerja; selepas itu kita melaksanakan tujuan doa kita dengan berkoordinasi dengan Tuhan untuk menjadi rakan sekerja Tuhan—Yes. 62:6-7; 45:11; Yeh. 22:30; Dan. 9:2-4; 1 Sam. 12:23; 1 Kor. 3:9; 2 Kor. 6:1a.
4. Doa-doa pertanyaan akan menghormati Tuhan; Daud tahu bagaimana berdoa kerana dia sering bertanya kepada Yehova (1 Sam. 22:10; 23:2, 4; 30:8; 2 Sam. 2:1; 5:19, 23); selepas Tuhan berbicara kepada Daud menerusi Natan penyabda itu, Daud “duduk di hadapan Yehova” (7:18) dan memberitahu Tuhan, “Lakukanlah sebagaimana yang Engkau sabdakan” (ay. 25b); kemudian dia memberitahu Tuhan bahawa disebabkan pembicaraan-Nya, “Hamba-Mu berani memanjatkan doa ini dalam hatinya kepada-Mu” (ay. 27).

E. Kita harus bekerjasama dengan Tuhan yang huni secara dalaman, yang dipasangkan, yang automatik, dan yang beroperasi secara dalaman sebagai hukum Roh hayat, dengan bercakap dengan-Nya untuk mengekalkan persekutuan kita dengan-Nya—Roma 10:12-13; Kej. 13:18; 1 Tes. 5:17; Ef. 6:17-18; Flp. 4:5-7, 12-13; Mzm. 62:7-8.

**IV. Apabila kita memperhatikan perasaan dalaman daripada roh, hukum Roh hayat akan diaktifkan dalam kita; rahsia kehidupan Kristian kita yang harus kita semua pelajari terdapat dalam Roma 8:6, yakni ayat Bible yang paling penting berkenaan pengalaman rohani kita terhadap Kristus sebagai hukum Roh hayat—“minda diletakkan pada tubuh daging ialah maut, tetapi minda diletakkan pada roh ialah hayat dan damai sejahtera”:**

- A. Meletakkan minda pada tubuh daging bererti memihak kepada tubuh daging, bekerjasama dengan tubuh daging, dan berdiri bersama dengan tubuh daging;

meletakkan minda pada roh berarti memperhatikan roh, memihak kepada roh, bekerjasama dengan roh, dan berdiri bersama dengan roh, yakni memberi perhatian kepada roh kita—Mal. 2:15-16.

- B. Apabila kita memperhatikan perasaan dalaman daripada roh, mengikut perasaan hayat dan damai sejahtera secara dalaman, kita sedang menghormati Tuan sebagai Kepala Tubuh demi pergerakan-Nya yang unik; dalam pelayanan injil dutus Paulus, dia ialah tawanan Kristus yang tidak dikawal oleh keadaan luarannya tetapi dikawal oleh sama ada dia “tenang dalam rohku” (2 Kor. 2:13) atau tidak; rohnya ialah bahagian dirinya yang paling utama, dan dia dikuasai, diperintah, diarahkan, digerakkan, dan dipimpin oleh roh pembaurannya (1 Kor. 2:15; Roma 8:16; 1 Kor. 6:17; 2 Kor. 2:12-14; 7:5-6).
- V. **Akhirnya, kehidupan kita dalam pendispenan divin daripada Triniti Divin melalui kenikmatan terhadap hukum Roh hayat yang huni secara dalaman dan automatik adalah dalam Tubuh Kristus dan demi Tubuh Kristus; kenikmatan ini mempunyai satu matlamat, iaitu menjadikan kita Tuhan dalam hayat, sifat, dan ekspresi tetapi bukan dalam Ketuhanan untuk menyempurnakan matlamat ekonomi abadi-Nya—Yerusalem Baru—Roma 8:2, 28-29; 12:1-2; 11:36; 16:27; Flp. 1:19; bd. Gal. 1:15-16; 2:20; 4:19, 26-28, 31.**